

▼04/11/14-47MST

U PB 04-11 00208 XA024

AAB DEM

Mahathir - UMNO

UMNO BUKAN MILIK INDIVIDU ATAU PASUKAN, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 4 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekali lagi menegaskan bahawa UMNO ialah milik seluruh anggota parti dan bukan mana-mana individu atau kumpulan.

"Perjuangan UMNO hendaklah untuk kepentingan semua anggota dan bukan untuk mana-mana individu atau pasukan.

"Kita berharap tidak ada lagi individu atau kumpulan dalam parti yang sanggup melihat UMNO hancur hanya kerana hasrat atau cita-cita peribadi mereka tidak tercapai," tegas beliau ketika merasmikan Perhimpunan Agung UMNO 1993 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini, hari ini.

Presiden UMNO itu berkata, setiap anggota parti berhak untuk menentukan pemimpin mereka, sejajar dengan pegangan UMNO kepada sistem demokrasi.

"Ini bermakna pemimpin boleh ditukar jika majoriti anggota ingin berbuat demikian," tegasnya.

Dr Mahathir mengakui bahawa masalah semasa pemilihan (pemimpin) parti tidak dapat dielakkan dan lebih tinggi jawatan yang ditandingi, lebih banyak masalah berlaku.

"Bagaimanapun, saya penuh harapan kita akan dapat mengatasi masalah dan kesan-kesan buruk yang dibawa bersama dengan pemilihan pemimpin. Jika anggota UMNO sedar akan hakikat bahawa kepentingan parti mengatasi segala kepentingan lain, saya yakin UMNO akan sentiasa selamat dan terus maju," katanya. -- Lagi.

AM KAM.

▼04/11/10-43MST

U PB 04-11 00181 XA025

AAB DEM

Mahathir - UMNO 2 Kuala Lumpur

Pemerhatian Dr Mahathir berhubung masalah parti itu dilihat kebanyakan pemerhati di sini sebagai rujukan terus beliau kepada perebutan pelbagai jawatan penting UMNO pada perhimpunan agungnya hari ini. Lima orang tokoh bertanding untuk merebut tiga jawatan Naib Presiden manakala 54 lagi bertanding merebut 25 kerusi Anggota Majlis Tertinggi.

Dr Mahathir berkata, perpecahan UMNO pada 1987 yang berakhir dengan pengharaman parti itu patut dijadikan iktibar semua anggota agar tidak terlalu mengikatkan diri kepada mana-mana individu.

"Sebaliknya, kesetiaan kita hendaklah selalunya kepada parti dan UMNO yang selamat bukan sahaja akan menyelamatkan orang Melayu dan Bumiputera tetapi juga kaum-kaum lain di negara ini," katanya.

Mengenai pendiriannya sendiri dalam pemilihan parti kali ini, Dr Mahathir memohon maaf jika secara tidak sengaja beliau telah melakukan sesuatu yang menyebabkan sangkaan bahawa beliau tidak betul-betul berkecuali.

"Saya percaya apa yang saya lakukan ialah untuk kebaikan parti dan masa akan menentukan sama ada apa yang dibuat atau tidak dibuat oleh saya itu benar-benar baik untuk parti atau tidak," ujar beliau. -- Lagi.

▼04/11/11-00MST

CNS8600

U PB 04-11 00200 XA026

AAB DEM

Mahathir - UMNO 3 Kuala Lumpur

Katanya, beliau sedar bagaimana popular sekalipun seseorang pemimpin itu, akhirnya ia akan gugur juga.

"Saya akan menerima apa juga keputusan parti terhadap saya apabila tiba masanya...hari ini giliran orang lain, esok mungkin giliran saya pula...demikianlah politik," katanya.

Beliau berharap mereka yang kalah pada pemilihan parti supaya bersedia untuk menerima kenyataan kerana "kekalahan tidak menghinakan kita".

"Yang menghinakan kita ialah apabila kita bertindak liar kerana marah apabila kalah... yang mulia antara yang kalah ialah mereka yang akan terus menyumbangkan khidmat mereka kepada parti," katanya.

Kepada yang menang pula, Dr Mahathir mengingatkan mereka bahawa hari ini ialah hari mereka, esok mereka mungkin jatuh. Justeru itu janganlah terlalu sombong dan angkuh kerana "kemenangan tidak bermakna jika kita hanya mendapat separuh sahaja daripada parti".

--"Janganlah jadikan kemenangan sebagai punca perpecahan parti. Janganlah fikir kita boleh mengambil semua dan boleh menyingkirkan mereka yang tidak bersama kita kerana yang kalah pun mendapat sokongan juga dan mereka masih berhak," katanya.

Beliau berharap anggota UMNO akan merapatkan semula barisan selepas pemilihan dengan mengambil ingatan bahawa mereka berjuang bukan untuk menjayakan mana-mana individu. -- Lagi.

AM KAM.

04/11/11-04MST

U PB 04-11 00105 XA027

AAB DEM

Mahathir - UMNO 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, negara memerlukan kepimpinan yang serba berkemampuan dan serba cekap, baik berpolitik mahupun mentadbir serta pemimpin yang patriotik bagi memastikan Malaysia mampu berlumba dengan negara lain dalam pembangunan dan terus kekal sebagai negara yang benar-benar merdeka.

Jika semua kualiti itu tidak ada pada seseorang individu, sekurang-kurangnya ia perlu ada di kalangan mereka yang menerajui parti dan menganggotai kerajaan.

"Pemimpin mestilah bekerja sebagai satu pasukan dan bukan kerana mereka daripada satu pasukan kerana tidak ada tempat bagi primadona dalam kerajaan," tegas beliau. -- Bernama.

AM KAM.